

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ
(RAUB)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) FLC telah menyewakan (leased) 186 bidang tanah (parcel of lands) kepada Pembinaan Private Finance Initiative PPFI pada kadar nominal RM1. PPFI kemudian menyewakan semula (leased back) tanah ini kepada FLC pada sewaan RM29.18 billion selama 15 tahun. Kenapa FLC menyewa tanah yang ia tidak digunakan ; dan
- (b) bagaimana Pembinaan Private Finance Initiative (PPFI) dibenarkan mencagarkan (put up as security) tanah yang ia tidak miliki dan meminjam sebanyak RM20 billion dari EPF dan RM10 billion dari KWAP.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pembinaan PFI Sdn Bhd (PPFI) adalah sebuah Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle-SPV*) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan pada 28 September 2006. Tujuan penubuhan syarikat ini ialah untuk memperoleh dana bagi membiayai projek-projek pembangunan dan program-program yang dikenal pasti oleh Kerajaan.

Sebagai sebahagian daripada struktur pendanaan PFI, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) perlu memajak (Lease) tanah milik PTP kepada PPFI dan PPFI kemudiannya akan memajak kecil (Sub Lease) semula tanah dan bangunan yang telah dibangunkan di atas tapak tanah tersebut kepada PTP untuk tempoh 15 tahun. Tanah-tanah di bawah pajakan ini bukanlah tanah yang tidak digunakan, tetapi merupakan tanah-tanah yang telahpun dikenalpasti oleh Kementerian/Agensi berkaitan untuk projek-projek pembangunan yang dibiayai melalui sumber dana PFI ini. Proses kenalpasti projek, kelulusan siling projek, perolehan, pelaksanaan dan pemantauan projek/program adalah mengikut prosedur perolehan Kerajaan sedia ada.

Selain itu, struktur pendanaan PFI ini juga tidak melibatkan sebarang cagaran tanah atau pindah milik tanah kepada mana-mana pihak. Hak milik tanah masih kekal di bawah PTP dan tanah-tanah berkenaan hanya dipajak kepada PPFI untuk tempoh 15 tahun sahaja. Oleh hal demikian, isu mengenai cagaran tanah milik PTP oleh PPFI sepermulaan yang telah dibangkitkan adalah tidak berkaitan.